

## **APLIKASI NILAI-NILAI BERASASKAN *QALBU* DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)**

**Amir Mohd Nason (Ph.D)**

Institut Pendidikan Guru Sultan Abdul Halim,  
08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia

**Muhd Imran Abd Razak (Ph.D)**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

**Mohd Farhan Abd Rahman**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

*Corresponding Author's Email:* amir@ipsah.edu.my

### **Article history:**

*Received* : 24 May 2021

*Accepted* : 03 June 2021

*Published* : 31 October 2021

### **ABSTRAK**

Menurut ajaran Islam, pendekatan PdP yang terbaik bukan hanya mampu membentuk kecemerlangan akal dan jasmani manusia, malah mampu untuk mendidik rohani berteraskan nilai dan akhlak. Justeru, kajian ini memfokuskan tentang aplikasi PdP berdasarkan *qalbu* dalam proses pendidikan. Berpandukan metode kualitatif sepenuhnya, analisis teks dilakukan terhadap sirah terpilih empat imam mazhab muktabar bagi mengenal pasti amalan dan saranan yang telah diaplikasikan mereka dalam mendidik para pelajar di zaman tersebut. Hasil kajian mendapati pendekatan PdP berdasarkan *qalbu* yang telah diaplikasikan empat imam mazhab terdiri daripada lima elemen yang utama, iaitu kasih sayang, menyelami kehendak murid, pengamalan sunnah, kesucian jiwa dan keberkatan ilmu. Penemuan tersebut begitu signifikan untuk difahami dan diaplikasikan oleh para guru semasa proses PdP kerana ia mementingkan keseimbangan aspek kerohanian dan juga luaran seseorang manusia.

**Kata kunci:** Pengajaran Dan Pembelajaran, Qalbu, Pendidikan, Guru

## **APPLICATION OF QALBU-BASED TEACHING AND LEARNING APPROACHES IN EDUCATION**

### **ABSTRACT**

*According to the teaching of Islam, the best TnL approach should not only be able to develop intellectual and physical excellence, however it should also be able to educate the spiritual based on values, ethics, and akhlaq. Thus, this study focuses on the application of TnL based on the qalb (heart) in the process of education. Guided by a total qualitative method, text analysis was done on the selected sirah of the four imams from the muktabar sects with the purpose to identify the practices and recommendations they had applied in educating the students at that time. The results of the study found that the TnL approach based on the heart that had been applied by the four imams of the sects consisted of five main elements, including spreading love, immersing the will of students, practicing the sunnah, purification of the soul, and the blessings of knowledge. The findings are so significant to be understood and applied by teachers during the TnL process as it emphasizes the balance of spiritual aspect and the external appearance of a human being.*

**Keywords:** Teaching And Learning (TnL), Qalb, Education, Teacher

### **PENGENALAN**

Kajian ini secara umumnya bertujuan meneliti pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan *qalbu* dengan tumpuan khusus terhadap sirah-sirah terpilih empat imam mazhab. Secara khususnya pula, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis pendekatan PdP berdasarkan *qalbu* serta bagaimana pendekatan ini dapat diaplikasikan dalam proses PdP. Pengajaran yang dijayakan oleh guru yang disertakan dengan pendekatan PdP yang terbaik akan membantu untuk meningkatkan kualiti pendidikan sebagaimana yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan tujuan untuk membangunkan pendidikan berkualiti di Malaysia dan bertaraf dunia.

Al-Attas (2010) menyatakan bahawa kekaburuan dan kekeliruan konsep ilmu yang dipimpin oleh pandangan alam Barat yang mengundang kecelaruan dan tidak neutral yang menjulang kekeliruan dan agakan kepada kehidupan manusia dan alam. Atas sebab itu, al-Attas amat tegas dalam hal ini dengan menyatakan:

*"Saya berani mengatakan cabaran terbesar yang muncul secara diam-diam pada zaman kita adalah cabaran ilmu, sesungguhnya bukan sebagai lawan kejahilan, tetapi ilmu yang difahami dan disebarluaskan ke seluruh dunia oleh peradaban Barat; hakikat ilmu telah menjadi bermasalah kerana ia telah kehilangan tujuan*

*hakikinya akibat daripada pemahaman yang tidak adil.*" (Al-Attas, 1993:133)

Bertitik tolak daripada itu, pembentukan dan pembinaan kerangka PdP berasaskan Islam memerlukan tasawur dan epistemologi Islam. Tasawur dan epistemologi merupakan perkara pokok kepada segala bidang pengetahuan (Muhammad Syukri, 2008). Tasawur bermaksud gambaran kehidupan yang menjadi asas keyakinan dan amalan kepercayaan manusia (Muhammad Syukri, 2003). Sayyid Qutb (t.t) menyatakan tasawur Islam sebagai satu pengertian yang komprehensif mengenai alam semesta dan hubungan manusia dengannya menurut sudut pandang Islam. Sedangkan tasawur Barat hanya terbina atas hujahan akal dan persepsi semata-mata (Fadzila Azni, 2015).

Setiap agakan itu mungkin menjadi benar atau mungkin juga salah. Begitu juga dengan teori yang terhasil dari tasawur Barat yang sentiasa bersifat uji kaji dan boleh disangkal apabila munculnya teori dan penemuan baharu (Nor Hanani, 2016). Menurut Malik Bennabi dalam Nor Nazimi et.al (2017), kelemahan teori Barat ialah kelemahan intelektualisme yang terletak pada kerapuhan nilai yang menjadi sandaran teori-teori tersebut seperti nilai kebenaran yang bergantung kuat pada nilai sosial Barat yang sangat rapuh. Nor Nazimi et.al (2017) juga menambah, teori dan daya intelektual Barat ini hanya bersandar pada pengalaman individu yang bergelar sarjana dan saintis yang disebarluaskan sebagai satu teori walaupun ia belum matang dan teruji.

Sekiranya tasawur dan epistemologi Barat ini digunakan sebagai asas pembentukan teori, pendekatan dan kaedah PdP, sudah tentu ia tidak bertepatan dengan kehendak Islam (Nor Hanani, 2016). Barat tidak menyandarkan kebenaran dan realiti itu kepada wahyu, sebaliknya hanya pada tradisi kebudayaan yang didasarkan oleh falsafah yang terhasil daripada tekanan dan agakan (Al-Attas, 2010). Manakala tasawur dan epistemologi Islam pula sandarannya adalah wahyu. Wahyu juga yang menyatakan kepada umat ini untuk mendidik dan terdidik. Hasil didikan melalui wahyu akan menghasilkan insan yang seimbang (Lubis, 2015). Hal ini diperkuahkan lagi dengan merujuk kepada sumber utama agama setelah al-Quran iaitu al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas (Nor Hanani, 2016).

Wahyu pertama yang diturunkan Allah SWT mengandungi perintah jelas. Memerintah manusia belajar untuk mengenali Tuhan, memahami fenomena penciptaan diri dan alam (Saiyah Naharani & Ibnor Azli, 2014). Perutusan Nabi Muhammad SAW tidak hanya sebagai penghulu segala Nabi, bahkan Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai seorang guru agung yang mengajarkan manusia al-Quran dan al-Sunnah (Md. Helal & Manjurul Alam, 2014). Hal ini diterangkan oleh Allah SWT melalui firmanNya yang bermaksud:

*"Dia-lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaannya), serta membersihkan mereka (iktiad yang sesat),*

*serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.” (Al-Jumu’at, 62:2)*

Ibn Kathir (1998) menjelaskan bahawa, Allah SWT telah mengutuskan Rasulullah SAW dengan tujuan untuk mendidik dan membekalkan masyarakat dengan ilmu syariat yang bersumberkan wahyu dari Allah SWT. Al-Qurtubi (2010) pula menjelaskan bahawa Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT untuk mendidik bersumberkan al-Quran dan hikmah iaitu al-Sunnah. Ibn Abbas r.a pula menjelaskan makna hikmah itu sebagai kefahaman dalam bidang agama (al-Qurtubi, 2010).

Dalam pada itu, al-Sunnah turut membuktikan bahawa amalan Islam yang terkandung dalam al-Quran itu merupakan sesuatu yang sangat sesuai dan praktikal bagi segala aspek kehidupan manusia merentasi zaman (Abu Ghuddat, 1996). Dalam hal ini, Rasulullah SAW merupakan satu sosok peribadi yang menonjolkan kehidupan dengan menjelaskan ajaran al-Quran dan direalisasikan secara syumul dan holistik, meliputi ilmu dan amalan (Aminudin et.al, 2006).

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN (FPK) DAN KEPENTINGAN PENDIDIKAN BERTERASKAN ISLAM**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang digubal pada 1988 merupakan dokumen terpenting yang menjadi teras kepada matlamat pendidikan yang harus dicapai melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan. FPK telah memperlihatkan betapa hasrat pendidikan di Malaysia ini bermula dari peringkat yang paling asas hingga ke peringkat yang paling tinggi iaitu suatu usaha yang berterusan untuk memperkembangkan potensi individu secara seimbang dan sepadu berdasarkan prinsip kepatuhan dan ketaatan kepada Tuhan (Saiyah Naharani & Ibnor Azli, 2014). Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti berikut:

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.*

Namun, masih terdapat jurang yang ketara antara FPK dengan pelaksanaannya dalam sistem pendidikan yang ada khususnya dari aspek

kecerdasan spiritual (Saedah et.al, 2016). Menurut al-Ghazali (2005), spiritual adalah sebahagian daripada hati rohani. Atas sebab itu, ketidakseimbangan ini mengundang kelesuan dan kehilangan pemberdayaan rohani yang membawa kepada kegagalan pendidikan berdasarkan *qalbu* ini (Muhammad Syukri, 2013). Hal ini dapat dilihat dengan munculnya pelbagai isu dan kegawatan sosial yang membimbangkan dalam kalangan pelajar sekolah dan remaja (Saedah et.al, 2016).

Pendekatan PdP berdasarkan *qalbu* perlu dibentuk berdasarkan tasawur dan epistemologi Islam. Menurut Muhammad Syukri (2008), tasawur dan epistemologi merupakan dasar dan tunjang kepada kehidupan manusia. Tasawur membawa erti gambaran kehidupan yang menjadi landasan keimanan dan anutan kepercayaan seseorang manusia (Muhammad Syukri, 2003). Menurut Sayyid Qutb (t.t), tasawur Islam merupakan satu pengertian yang komprehensif mengenai alam semesta dan hubungan manusia dengan alam menurut sudut pandang Islam.

Sehubungan itu, kecemerlangan dalam mencapai matlamat pendidikan itu sendiri adalah bertujuan melahirkan pelajar yang cemerlang dalam aspek pembinaan adab dan akhlak Islamiah (Wan Ahmad Zakry, 2015). Ghazali (2017) menegaskan pendidikan menurut Islam tidak hanya menilai kemampuan seseorang pelajar dari sudut menguasai kemahiran membaca, menulis, memahami dan sebagainya, tetapi ia bertujuan menghubungkan maklumat yang diperoleh pelajar agar mereka memahami kedudukan mereka di dunia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

Proses pembangunan diri dan jiwa pelajar berteraskan nilai dan akhlak memerlukan kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran Islam yang betul. Hal ini selaras dengan pendekatan yang telah disediakan oleh Allah SWT iaitu akal dan hati sebagai dua alat penting dalam pengajaran dan pembelajaran (Basri Husin, 2009). Namun antara keduanya, penekanan dan penggunaan akal pada masa ini kelihatan begitu dominan hatta dalam sistem pendidikan Islam itu sendiri dan pada masa yang sama, penggunaan hati tidak diendahkan dan tidak diberi perhatian sewajarnya (Muhammad Syukri, 2013).

## **PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN *QALBU***

Tugas utama guru di sekolah ialah untuk menyampaikan pengajaran (Abu Zahari, 1988). Penyampaian pengajaran bermaksud memindahkan maklumat-maklumat pengetahuan kepada pelajar (Ab Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010) dan berusaha untuk mendapatkan respons mengenai maklumat yang disampaikan. Respons berkaitan dengan proses dan kemajuan dalam PdP masing-masing amat perlu kerana ia akan membolehkan guru menyesuaikan kaedah pengajarannya, sementara pelajar pula dapat memperbaiki pembelajarannya (Ahmad Johari, 2010).

Bagi Mohd Yusop et.al (2008), tugas pelajar ialah menerima maklumat-maklumat pengetahuan, memahami dan menyimpan di dalam memori untuk dipraktikkan dalam situasi yang berkaitan. Di sini berlaku proses dua hala

antara guru dengan pelajar. Dengan penggunaan dan pemilihan kaedah pengajaran oleh guru yang sesuai dan baik serta kaedah pembelajaran pelajar yang sesuai dapat menambahkan keberkesanan proses PdP (Ahmad Johar, 2010). Menurut Sequeira (2012), pembelajaran bermaksud perubahan iaitu berlakunya peningkatan kemahiran baharu, penguasaan terhadap sesuatu disiplin ilmu dan perubahan dari sudut tingkah laku. Perubahan yang terhasil daripada proses pembelajaran ini biasanya relatif dan kekal.

Namun begitu, proses PdP memerlukan alat yang boleh dijadikan medium dalam penyampaian dan penerimaan ilmu. Menurut Nor Hanani (2016) dan Mohd Syakir (2015), terdapat dua alat utama yang digunakan sebagai medium menyampaikan maklumat dalam sesuatu proses PdP iaitu akal dan hati. Bagi Muhammad Syukri (2001) pula, kedua-kedua alat ini iaitu akal dan hati akan membentuk strategi, kaedah dan pendekatan pendidikan akal ke akal, akal ke hati, hati ke akal dan hati ke hati (berasaskan *qalbu*).

Dari keempat-empat kaedah ini, pendidikan berdasarkan hati iaitu *qalbu* menjadi keutamaan untuk dibincangkan. Hal ini disebabkan kaedah akal ke akal, hati ke akal dan akal ke hati hanya memberi tumpuan kepada ilmu tanpa amal. Perkara ini berbeza dengan kaedah dan pendekatan berdasarkan *qalbu* yang bukan sahaja menumpukan ilmu tetapi juga kepada amalannya. Mohd Syakir (2015) turut berpendapat bahawa, pendekatan PdP berdasarkan *qalbu* merupakan suatu pendekatan yang diterapkan daripada guru kepada pelajarnya hasil daripada mengamal dan mempraktikkan kaedah tertentu. Mohd Syakir (2015) turut menegaskan bahawa pendidikan berdasarkan *qalbu* menganjurkan pembersihan hati (*tazkiyat al-nafs*) yang berterusan dan berkekalan.

*Qalbu* atau hati merupakan raja bagi seluruh organ dan anggota badan (al-Jawziyyat, 2015). Menurut Ibn Manzur (t.t), *qalbu* atau hati merupakan seketul daging pada jantung yang bersambung dengan urat. Al-Azhariy (1967) pula berkata, sebahagian orang Arab menyebut ketulan daging dan yang berkaitan dengannya itu sebagai *qalbu* dan *fu'ad*. Namun bagi al-Farra' (1983), hati merupakan tempat untuk berfikir. Hal ini berdasarkan ayat 37 surah Qaf yang mengaitkan kemampuan berfikir itu dengan hati. Al-Farra' (1983) turut menambah bahawa, menjadi kebiasaan orang Arab untuk menyatakan "Ma laka *qalbu*?" yang membawa maksud "tidakkah kamu berfikir?".

*Qalbu* adalah entiti spiritual dalam hati yang mengandungi perasaan, intuisi dan emosi yang ditunjukkan melalui tindakan manusia (Rosliza & Siti Aishah, 2015). Menurut Nor Hanani (2016), penegasan al-Quran membuktikan bahawa hati merupakan tempat dan alat untuk berfikir dan memahami.

Dalam konteks kajian ini, definisi yang dikemukakan oleh al-Farra' (1983) dilihat bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis yang menetapkan bahawa, *qalbu* merupakan alat untuk berfikir. Hal ini disebabkan PdP berdasarkan *qalbu* merupakan PdP yang mengutamakan hati sebagai alat penyampaian dan penerimaan ilmu.

## APLIKASI PENDEKATAN PDP BERASASKAN *QALBU* DALAM PROSES PENDIDIKAN

Bentuk-bentuk pendekatan PdP berdasarkan *qalbu* berpotensi untuk digunakan dan digarap agar ia dapat memenuhi keperluan utama dalam melancarkan sesuatu proses PdP dan seterusnya mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Bentuk-bentuk pendekatan itu boleh dibahagikan kepada tiga fasa PdP iaitu, sebelum, semasa dan selepas. Hal ini seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Bentuk-Bentuk Pendekatan PdP Berasaskan *Qalbu*

Sebelum	Semasa	Selepas
Beradab dengan guru	Beradab dengan guru (Duduk secara sopan di depan guru)	Mendapat kepercayaan guru
Memahami kemampuan dan tahap pelajar	Bertanya khabar murid	Guru berjiwa besar dan berlapang dada
Pesan takwa	Layan murid seperti anak sendiri	Mendoakan guru
Pesan Ikhlas	Memahami kemampuan dan tahap murid	Layan murid seperti anak sendiri
Pesan sentiasa jaga hubungan dengan Allah	Panggil dengan nama yang baik	Pesan berpegang teguh pada agama
Panggil dengan nama yang baik	Hubungan hati guru-murid	Pesan takwa
Hubungan hati guru-murid		Pesan Ikhlas
Layan murid seperti anak sendiri		Pesan sentiasa jaga hubungan dengan Allah
		Menyantuni/berkhidmat untuk guru
		Ziarah guru/murid
		Hubungan hati guru-murid
		Memaafkan
		Pesan menjauhi perkara melalaikan
		Layan murid seperti anak sendiri
		Panggil dengan nama yang baik

Kepelbagaiannya ini terhasil daripada proses analisis terhadap sirah-sirah terpilih imam empat mazhab. Ia boleh dibahagikan mengikut fasa PdP dan bersifat anjal untuk diaplikasikan dalam mana-mana situasi yang bersesuaian. Jelas di sini bahawa, pendekatan ini boleh diaplikasikan secara tidak formal sama ada sebelum proses PdP bermula, semasa dan selepas proses PdP secara formal itu berakhir.

### **1. Aplikasi Pendekatan Pdp Sebelum Pengajaran Dan Pembelajaran**

Pendekatan PdP berasaskan *qalbu* berdasarkan sejarah terpilih empat imam mazhab merupakan satu pendekatan yang boleh dilaksanakan dalam sesuatu proses PdP. Sekalipun ianya berbentuk pendekatan secara tidak langsung, namun kesannya dapat dirasai ketika pendekatan ini mengambil tempat di hati para pendidik untuk diaplikasikan.

Beberapa bentuk pendekatan PdP berasaskan *qalbu* yang dilakukan oleh para imam mazhab yang empat ini boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran sehari-hari. Namun, ia harus bermula seawal seseorang guru atau pendidik itu melaporkan diri untuk bertugas di mana-mana institusi pendidikan. Seseorang guru itu harus memiliki kekuatan dalaman dan kekuatan kerohanian yang mantap. Hal ini disebabkan kerana medan pendidikan merupakan satu medan yang mencabar dan tugas yang ditanggung oleh para guru adalah berat.

Pendekatan PdP berasaskan *qalbu* bermula dengan proses kesucian jiwa para guru. Para guru harus memahami sejak awal lagi bahawa tugas ini merupakan amanah dari Allah SWT dan ia perlu ditunaikan dengan sebaik mungkin. Proses kesucian jiwa yang merupakan antara elemen pendekatan PdP berasaskan *qalbu* ini perlu bermula dengan para guru membuang segala jenis sifat-sifat mazmumah iaitu sifat-sifat hati yang tercela. Para guru harus mengamalkan ilmu yang disampaikannya (Al-Ghazali, 2011) dan hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud:

*"Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri;"* (Al-Baqarah, 2:44)

Menurut al-Ghazali (2011), guru yang tidak mengamalkan ilmunya merupakan guru yang hilang pertimbangan dan petunjuk, malah diumpamakan seperti kayu yang bengkok tidak akan menghasilkan bayang yang lurus.

Tindakan guru dalam memulakan perhubungan antara beliau dengan murid dengan pesanan takwa merupakan natijah dari kesucian jiwa yang dimiliki oleh seorang guru itu. Hal ini ditunjukkan oleh Imam Malik dalam pertemuan pertamanya bersama Imam al-Syafi'ie. Demikian juga dengan pesanan takwa yang diterima oleh Imam Malik dari gurunya, Sulayman. Pesan takwa memberi impak besar dalam diri seseorang murid kerana matlamat menuntut ilmu adalah untuk akhirat dan mendapat redha Allah SWT (Al-Ghazali, 2011). Bahkan al-Zarnuji (1981) turut berpesan kepada para pelajar

agar sentiasa bersangka baik kerana dengan sangkaan yang baik itu terhasil dari keikhlasan dan kesucian hati.

Bagi al-Kinani (2012), setiap guru harus meletakkan matlamat mendidik ini hanya kerana Allah SWT. Hal ini adalah disebabkan mendidik merupakan satu tugas penting dalam agama dan pendidik itu sendiri merupakan setinggi-tinggi darjat dan kedudukan dalam kalangan orang beriman. Pesan takwa juga bermaksud, guru harus memerhatikan segala tingkah laku murid dan akhlak mereka serta sering menasihati mereka agar tidak terjebak dalam perkara-perkara yang dilarang agama seperti melakukan sesuatu yang haram, syubhab dan sebagainya (al-Kinani, 2012). Guru juga harus sentiasa berpesan agar para muridnya mengekalkan hubungan dengan Allah SWT kerana Allah merupakan sumber segala ilmu yang ingin dipelajari.

Selain itu, guru juga harus berusaha untuk memenangi hati murid terlebih dahulu dan membentuk hubungan hati di antara guru dan murid sebelum guru itu masuk ke kelas untuk mengajar. Hal ini dilakukan oleh Imam Malik terhadap muridnya dengan sering menjemput mereka ke rumah dan dengan itu Imam Malik dapat memenangi dan membeli jiwa mereka ('Abd al-Ghani, 1998). Membeli jiwa murid dengan menjaga hati dan perasaan merupakan sebahagian dari elemen kasih sayang dalam pendekatan PdP berdasarkan *qalbu*. Ia boleh dilakukan oleh para pendidik sebelum daripada mereka masuk ke kelas. Tindakan ini akan memberi ruang kepada para murid untuk mengenali guru mereka dengan lebih dekat dan membuatkan mereka begitu teruja dan bersedia untuk mengikuti pengajaran yang akan disampaikan oleh guru tersebut. Hal ini juga akan mampu membuatkan proses pembelajaran para murid itu akan lebih berkesan dan berjaya.

Di samping itu, proses memperkenalkan adab berguru juga merupakan suatu bentuk pendekatan PdP berdasarkan *qalbu* yang penting. Para guru harus memulakan proses ini dengan meletakkan penghormatan yang tinggi terhadap para murid. Memanggil mereka dengan nama yang baik dan disukai merupakan antara bentuk pendekatan PdP berdasarkan *qalbu* yang mampu menarik minat murid untuk terus dekat dengan guru dan sekali gus membina rasa hormat dan adab mereka terhadap guru. Para guru perlu memahamkan para murid tentang kepentingan beradab dengan guru dan kaitannya dengan keberkatan ilmu. Perkara ini perlu dijelaskan lebih awal supaya murid benar-benar meletakkan sepenuh kesediaannya untuk mengikuti sesuatu proses PdP.

Selain itu, para guru juga perlu mengenali latar belakang murid dengan awal. Hal ini penting supaya guru dapat mengetahui kedudukan dan kemampuan kewangan murid, latar belakang keluarga, pekerjaan ibu bapa dan keadaan kesihatan murid itu sendiri. Perkara ini akan mendorong guru untuk lebih mendalam dan menyelami keperluan dan kehendak murid bagi memastikan mereka benar-benar bersedia untuk menerima ilmu, tanpa diganggu oleh perkara-perkara yang boleh mengalih tumpuan belajar. Guru sehebat Imam Abu Hanifah sanggup mengeluarkan belanja untuk menyara muridnya hanya kerana murid itu ingin berhenti belajar akibat kesusahan hidup keluarganya (al-Haytami, 2007).

Menyelami kehendak murid ini juga perlu dilakukan sehingga seseorang guru itu akan menganggap dan melayani muridnya itu seperti anaknya sendiri. Hal ini juga akan turut mempengaruhi perwatakan murid itu untuk lebih menyenangi kehadiran guru di dalam kelas. Di samping itu, hubungan yang rapat antara guru dengan murid ini akan membuatkan guru dapat menggunakan kesempatan itu untuk berkenalan dengan lebih mendalam termasuklah mengetahui kesukaan muridnya dan memanggil muridnya dengan nama yang disukainya.

## 2. Aplikasi Pendekatan PdP Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran

Proses PdP berasaskan *qalbu* amat mengutamakan sentuhan berbentuk kasih sayang. Kasih sayang guru memainkan peranan utama dalam menyantuni dan mengikat hati murid agar terus fokus dengan ilmu yang disampaikan. Peranan kasih sayang ini yang dimainkan oleh para guru boleh membuatkan para murid terikat hatinya dengan para guru dan seterusnya mereka akan memberi perhatian ketika proses PdP berjalan.

Imam Malik mengikat hati para murid beliau dengan hanya bertanyakan khabar seawal beliau memulakan sesi kuliahnya (al-Daqqar, 1998). Pertanyaan khabar dari guru terhadap murid akan membangkitkan semangat dan keseronokan belajar dalam diri mereka (Sofiah & Kamarul Azmi, 2017). Melalui pertanyaan khabar ini, guru dapat mengetahui kesediaan murid dari sudut kesihatan mereka sama ada mereka benar-benar bersedia untuk mengikuti proses PdP selanjutnya.

Selain itu, pendekatan berasaskan *qalbu* semasa PdP boleh diteruskan dengan meraikan kemampuan dan tahap setiap murid yang terdapat di dalam kelas tersebut. Hal ini penting kerana, seseorang guru harus memastikan tahap penyampaiannya itu bersesuaian dan berperingkat. Al-Kinani (2012) menekankan bahawa, seseorang guru itu tidak boleh memberi dan menyampaikan sesuatu yang tidak mampu ditanggung oleh kemampuan murid. Kemampuan murid sudah tentu berbeza dari segi umur, kefahaman dan kematangan dan hal ini perlu diberi perhatian oleh guru ketika sedang menjalankan proses pengajaran.

Ketika proses PdP ini berjalan, guru harus berusaha untuk menjaga hati murid dengan memanggil namanya dengan nama yang baik dan disukainya. Hal ini akan mengundang rasa hormat yang tinggi dan menjadikan murid lebih mesra dan dekat dengan guru. Sikap ini perlu dihayati oleh para guru kerana guru merupakan ibu dan bapa kepada para murid dan perlu melayan para murid seperti anak-anak sendiri ketika mereka berada di bawah tanggungan pihak guru.

Terdapat beberapa bentuk pendekatan yang ditunjukkan oleh empat imam mazhab ini berkaitan adab ketika berguru. Penghormatan yang ditunjukkan oleh Imam Ahmad terhadap guru beliau sangat memberi kesan ke dalam diri beliau sendiri sebagai seorang murid yang menjaga adab (al-Jawzy, 1988). Hal ini juga perlu diberi perhatian oleh para guru untuk mendidik dan mengajar cara dan

kaedah beradab bersama guru kepada para murid. Aplikasi berperingkat ini boleh dilihat pada Rajah di bawah.



Rajah 1: Aplikasi Bentuk Pendekatan PdP Berasaskan *Qalbu* berdasarkan sirah terpilih empat imam mazhab semasa pengajaran dan pembelajaran.

### 3. Aplikasi Pendekatan PdP Selepas Pengajaran Dan Pembelajaran

Aplikasi pendekatan PdP ini perlu diteruskan setelah tamat sesuatu sesi PdP itu. Pendekatan PdP berdasarkan *qalbu* merupakan pendekatan yang perlu diterapkan hampir sepanjang waktu sekalipun kelas atau waktu PdP telah pun tamat. Dalam erti kata lain, hubungan di antara para guru dan murid-murid perlu berterusan dan berkekalan. Dengan ini, kelangsungan ilmu yang telah disampaikan dalam sesi PdP itu dapat diteruskan walaupun guru dan murid telah terpisah.

Seseorang guru itu harus memiliki jiwa besar dan bersedia untuk menerima segala kekurangan dan kelemahan muridnya. Dalam erti kata lain, guru itu harus bersedia dengan segala kemungkinan bahawa murid yang mengikuti proses PdP pada hari tersebut mungkin tidak dapat mencapai tahap yang telah ditetapkan. Hal ini tidak perlu mengundang rasa kurang senang guru terhadap murid tersebut bahkan sebaliknya, seorang guru itu harus berusaha mencari kaedah terbaik supaya murid itu dapat mencapai tahap yang sebenar.

Guru yang berjiwa besar hanya menginginkan kebaikan buat para muridnya. Sentiasa berpesan agar menjaga hubungan dengan Allah, mendirikan

solat, menutup aurat dengan sempurna, hormati yang tua dan dewasa serta tidak lupa mendoakan guru dan ibu bapa. Setiap guru pastinya akan berpesan dengan berbagai pesanan ketika proses PdP berada di penghujungnya. Pesanan yang terbaik adalah pesanan yang mengingatkan para murid ini kepada Allah SWT agar sentiasa bertakwa, menjauhkan perkara-perkara yang melalaikan dan terus berpegang teguh pada agama.

## KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam artikel ini, dapatlah dirumuskan bahawa pendekatan PdP berasaskan *qalbu* berdasarkan sirah-sirah terpilih empat imam mazhab terdiri daripada lima elemen. Pertama, kasih sayang. Kedua, menyelami kehendak murid. Ketiga, pengamalan sunnah. Keempat, kesucian jiwa, dan kelima, keberkatan ilmu. Pendekatan PdP berasaskan *qalbu* berdasarkan sirah-sirah terpilih empat imam mazhab merupakan satu pendekatan PdP yang bersifat holistik kerana ia bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Pendekatan tersebut begitu signifikan untuk diterap serta diaplikasikan oleh para guru semasa proses PdP kerana ia bukan hanya bertepatan dengan matlamat pendidikan menurut Islam malah ia selari dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang mementingkan keseimbangan aspek kerohanian dan juga luaran pelajar.

## RUJUKAN

- Ab Halim, T. & Mohamad Khairul Azman, A. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berteraskan konsep *Mu'allim*. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43 – 56.
- Abu Ghuddat, `Abd al-Fattah. (1996). *Al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuh fi al-Ta'lim*. Aleppo: Maktab al-Matbu`at al-Islamiyat.
- Ahmad Johari, S. (2010). Konsep pembelajaran. Dalam *Psikologi Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Attas, S.M.N. (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, S.M.N. (2010). Dewesternisasi Ilmu. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 1. 3 – 20.
- Al-Daqqar, `Abd al-Ghaniy. (1998). *Al-Imam Malik bin Anas Imam Dar al-Hijrat*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Farra', Abi Zakariyya Yahya Ziyad. (1983). *Ma'ani al-Qur'an*. Cet. 3. Beirut: Alam al-Kutub.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2011). *Ihya' Ulum al-Din*. Jeddah: Dar al-Minhaj Li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Haytami, Ibn Hajar. (2007). *Al-Khayrat al-Hisan fi Manaqib al-Imam al-'Azam Abi Hanifat al-Nu'man*. Damsyik: Dar al-Fikr.

- Al-Jawziy, Abi al-Farj ‘Abd al-Rahman. (1988). *Manaqib al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Jawziyyat, Ibn Qayyim. (2015). *Tibb al-Qulub*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Qurtubi. (2010). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Zarnuji, Burhan al-Islam. (1981). *Ta'lîm al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Aminudin, B., Mohd Radzi, O. & Nik Yusri, M. (2006). Konsep Al-Sunnah Menurut Ahli Hadith. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Bil. 7.
- Basri, H. (2009). Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat dan Sumber-Sumber Ilmu dalam Tradisi Islam. *Jurnal Usuluddin*, 185-208.
- Fadzila Azni, A. (2015). *Tasawur Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Kertas kerja yang dibentangkan di KIPI 2, Indonesia.
- Ghazali, B. (2017), *Pendidikan Islam: Huraian Konsep dan Aplikasi*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Ibn Kathir. (1998). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jil. 1, 2, 3 & 4. Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Manzur. (t.t.). *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Lubis, M.A. (2015). Effective implementation of the integrated Islamic education. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(1), 59-68.
- Md. Helal, U. & Manjurul Alam, M. (2014). Islamization of Knowledge: An Exploratory Study of Concepts, Issues and Trends. *International Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 1(6), 99 – 109.
- Mohd Syakir, M.R. (2015). Strategi Pendidikan Hati Ke Hati: Pengalaman di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 24(3), 40 – 63.
- Mohd Yusop, A.H., Baharom, M., Jamaludin, H. & Abdul Rashid, R. (2008). *Analisis komunikasi dua hala guru dengan pelajar dalam persediaan mengajar guru pelatih*. Prosiding International Conference on Communication and Media (iCOME 2008) Kuala Lumpur.
- Muhammad Syukri, S. (2001). Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam. *PEMIKIR*, 26(1), 1-47.
- Muhammad Syukri, S. (2003). *Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri, S. (2008). Pengajaran-Pembelajaran Hati ke Hati dan Implikasinya ke atas Pembinaan Masyarakat. Syarahan Akademik (Pidato Orasi) Ilmiah yang disampaikan di Konvokesyen Universitas Pembinaan Masyarakat Indonesia (UPMI) ke-18, anjuran Universitas Pembinaan Masyarakat Indonesia (UPMI), Medan, Indonesia, pada 8 November 2008.
- Muhammad Syukri, S. (2013). Islamisasi Pemikiran Pembangunan. Ucaptama yang disampaikan di *The 5<sup>th</sup> International Conference of Islamic-Based Development (ICID-5)*, anjuran Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Ikatan Pelajar dan Alumni ISDEV Sumatera Utara (IPA-ISDEV SU) dan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, di Hotel Madani, Medan, Indonesia, 23 April 2013.

- Nor Hanani, I. (2016). Teori Pembelajaran Lazim: Analisis Daripada Perspektif Islam. *Prosiding Seminar Islam dan Kelestarian Ummah Peringkat Serantau (SIDKUN 2106)*. Universiti Utara Malaysia.
- Nor Nazimi, M.M., Jaffary, A. & Aminudin, B. (2017). Teori Maslow dan Kaitannya dengan Kehidupan Muslim. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 275-285.
- Rosliza, A. & Siti Aishah, H. (2015). Tazkiyatun Nafs (Purification of the Soul): A PsychoSpiritual Approach in Strengthening Marriage Relationships. *Elixir International Journal*, 33239-33242.
- Saedah, S., Shamsiah Banu, H., Che Zarrina, S. & Mohammed Sani, I. (2016). Pembangunan Kecerdasan Spiritual dalam Transformasi Pendidikan Nasional. Dalam Hussein, A. & Mohammed Sani, I. (Ed.). *Transformasi Pendidikan Nasional: Antara Aspirasi dan Anjakan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Saiyah, N. & Ibnor Azli, I. (2014). Islam dalam Dasar Pendidikan Negara di Malaysia. *Prosiding Kolokium Siswazah Syariah Peringkat Kebangsaan*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sayyid Qutb. (t.t). *Khasais al-Tasawwur al-Islami wa Muqawwimatih*. Jordan: Dar al-Syuruq
- Sequeira, A. H. (2012). *Introduction to Concepts of Teaching and Learning*. Surathkal: National Institute of Technology Karnataka.
- Sofiah, M. & Kamarul Azmi, J. (2017). Penerapan Potensi Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Prasekolah. *Ulum Islamiyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 19(1), 109-128.
- Wan Ahmad Zakry, W.K. (2015). Kajian Kes Perbezaan Jantina dalam Pembentukan Sahsiah Muslim Pelajar. *E-Academia Journal UiTM Terengganu*, 4(1), 22-29.